

## **MENGENALPASTI FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SARJANA MUDA PSIKOLOGI, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)**

**Muhamad Shafiq Bin Mohd Razali & Noraini Binti Abdol Raop**  
muhamad.shafiq8395@gmail.com  
Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

### **ABSTRAK**

Tahap pencapaian akademik setiap manusia berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhinya. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tahun tiga, semester enam Ijazah Sarjana Muda Psikologi, Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka. Kajian ini tertumpu kepada empat persoalan kajian atau faktor iaitu sikap, minat, kaedah pembelajaran dan pensyarah yang diuji dengan menggunakan kaedah soal selidik. Nilai kebolehpercayaan kajian ini adalah  $\alpha = 0.845$ . Kajian berbentuk tinjauan yang menggunakan data kuantitatif. Persampelan dibuat secara rawak. Data di analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Science Social* (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap, minat dan kaedah pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Bagi faktor pensyarah pula, didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Melalui kajian ini, tindakan boleh diambil untuk memperbaiki tahap pencapaian akademik pelajar sama ada melalui para pelajar iu sendiri, pendidik mahupun institusi.

**Kata kunci** : pencapaian akademik, sikap, minat, kaedah pembelajaran, pensyarah

### ***IDENTIFY THE FACTORS INFLUENCING THE ACADEMIC ACHIEVEMENT OF THE PSYCHOLOGY BACHELOR DEGREE, ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MELAKA (KUIM)***

### **ABSTRACT**

*The level of human academic achievement varies from one another. This difference is due to the various factors that affect it. This descriptive study is aimed to identify factors influencing the academic achievement of the third year of the sixth semester of the Psychology Bachelor Degree, Faculty of Social Science, Islamic University College of Melaka. This study focuses on four questions of study or factors: attitudes, interests, learning methods and lecturers. This study uses a questionnaire. The reliability value of this study is  $\alpha = 0.845$ . A survey is a survey using quantitative data. Samples are made randomly. The data were analyzed using the Statistical Packages for Science Social (SPSS) software. The findings show that there is a significant relationship between attitude, interest and learning method with academic achievement of students. For lecturer factors, there was no significant correlation with academic achievement of students. Through this study, action can be taken to improve student academic achievement levels among students, educators and institutions.*

**Keywords:** *academic achievement, attitudes, interests, learning methods, lecturers*

## **PENGENALAN**

Pendidikan amat penting bagi setiap individu dan merupakan tunjang kepada pengetahuan atau ilmu seseorang itu. Pendidikan dan masyarakat juga tidak boleh dipisahkan, sama ada di negara maju, negara membangun mahupun negara mundur. Bagi masyarakat Malaysia, kriteria bagi mutu pendidikan ialah pendidikan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Selain itu mampu menghasilkan masyarakat yang percaya kepada Tuhan, bersatu padu, berketerampilan, memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu, bertanggungjawab dan bermotivasi. Di samping itu, berkemampuan mencapai kesejahteraan diri serta menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Menurut Abdul Ghani (1996), kerajaan terus membiayai institusi pendidikan dengan meletakkan kepercayaan yang tinggi, bahawa pendidikan itu ialah alat untuk membawa kemajuan yang sejajar dengan kehendak dan aspirasi sesuatu masyarakat mengikut perkembangan semasa. Sekolah pula menyediakan prasarana dan peluang untuk merealisasikan hasrat tersebut melalui proses pendidikan. Masyarakat pula menyediakan suatu suasana yang kondusif untuk individu pelajar berkembang. Manakala ibu bapa mempunyai aspirasi tersendiri terhadap perkembangan anak-anak mereka dari segi akademik, sosial dan emosi termasuk aspek konsep sendiri dan motivasi pencapaian. Justeru itu dalam proses pendidikan, keempat-empat komponen di atas perlu bekerjasama dan saling bantu membantu untuk melahirkan individu yang seimbang.

Pada masa kini, kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius kepada prestasi akademik pelajar sama ada di sekolah mahupun di Universiti Awam (UA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Hal ini kerana golongan inilah yang akan menerajui kepimpinan kelak. Jadi, tidak hairanlah isu kecemerlangan akademik pelajar sentiasa menjadi isu perbincangan yang hangat dan sering mencuri perhatian masyarakat mahupun media. Pencapaian akademik pelajar sering dilihat dari sudut kebolehan yang terdapat pada pelajar itu. Namun tidak boleh dinafikan bahawa, terdapat faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik mereka terutamanya pelajar di universiti iaitu persekitaran tempat belajar, gaya keibubapaan, gaya pembelajaran dan lain-lain (Nurul Akmar dan Saifullizam, 2005).

Matlamat sesebuah institusi pengajian tinggi adalah jelas iaitu melahirkan graduan yang berjaya dalam pencapaian akademik dan sahsiah. Secara amnya pencapaian akademik adalah penentu kepada taraf pencapaian individu dalam sesuatu peperiksaan rasmi yang diambildan peperiksaan awam dibawah Kementerian Pelajaran. Menurut Carter V. Good (1973) dalam Abdul Jalil (1997), pencapaian adalah sebagai penyelesaian dan kecekapan yang diperolehi dalam sesuatu kemahiran, pengetahuan atau kemajuan yang diperolehi secara semulajadi yang tidak terlalu bergantung kepada kecerdasan akal fikiran.

Kerlinger (1973) menakrifkan pencapaian akademik secara operasional melalui suatu ujian berasaskan penilaian guru dalam sesuatu ujian. Selaras dengan itu, segala permasalahan yang berlaku dalam proses pembelajaran ini akan menggalakkan usaha dan cita-cita sesebuah intitusi pengajian tinggi selain mempunyai minda yang cemerlang, terdapat faktor lain yang akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2011) menyatakan, pencapaian akademik merupakan elemen yang penting dan amat dititikberatkan oleh masyarakat dalam konteks kehidupan hari ini yang berorientasikan pendidikan. Sejarah perkembangan pendidikan di Malaysia juga telah memperlihatkan bahawa nilai dan kepentingan pendidikan semakin bertambah kerana dipengaruhi oleh perubahan yang semakin pesat dan maju dalam kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, terdapat juga masalah kemerosotan pencapaian akademik termasuklah pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang tidak terkecuali daripada menjadi topik-topik hangat yang diperkatakan oleh masyarakat dan kebanyakannya dilihat tidak mencapai tahap pencapaian prestasi sebenar yang ditetapkan oleh sesebuah institusi pendidikan.

Menurut Kamarudin (2003), kejayaan dan kegagalan pelajar dalam akademik bukanlah bergantung semata-mata kepada faktor pengajaran di dalam bilik kuliah sahaja tetapi berkaitan juga dengan proses pembelajaran itu sendiri. Pelbagai faktor telah dikaji oleh pakar-pakar dalam bidang penyelidikan bagi mencari punca-punca kemerosotan dan permasalahan dalam mencapai prestasi yang terbaik dalam akademik terhadap pelajar-pelajar IPT. Pencapaian awal, minat, sikap, motivasi, dan kemahiran menyelesaikan masalah merupakan antara faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku.

Menurut Ridzuan Ismail (2002) pula, faktor-faktor lain juga didapati menyumbang kepada punca kemerosotan pelajar dalam pencapaian akademik seperti ketidakselarasan strategi dan pendekatan pengajaran pensyarah dengan keperluan dan kaedah pembelajaran pelajar di mana pelajar itu sendiri tidak tahu teknik dan cara pembelajaran yang berkesan dan efektif. Faktor-faktor tersebut adalah antara faktor yang boleh mengakibatkan berlaku fenomena kemerosotan pencapaian dalam pencapaian akademik di institusi-institusi pengajian tinggi.

Justeru itu, perkara ini telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji hubungan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka. Dalam kajian ini penyelidik ingin mengkaji faktor sikap, minat, kaedah pembelajaran dan pensyarah dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar semester enam, Ijazah Sarjana Muda Psikologi, di Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar semester enam di Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Kajian ini juga akan mengenal pasti faktor-faktor yang manakah paling mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Secara khususnya objektif kajian adalah:

1. Mengetahui sama ada faktor sikap mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar.
2. Mengetahui sama ada faktor minat mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar.
3. Mengetahui sama ada faktor kaedah pembelajaran mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar.
4. Mengetahui sama ada faktor pensyarah mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar.

## **HIPOTESIS**

Hipotesis yang telah dibentuk bagi mencapai objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Tidak terdapat hubungan antara faktor sikap dengan pencapaian akademik pelajar.
2. Tidak terdapat hubungan antara faktor minat dengan pencapaian akademik pelajar.
3. Tidak terdapat hubungan antara faktor kaedah pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar.
4. Tidak terdapat hubungan antara faktor pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar.

## **SOROTAN KAJIAN**

Sikap atau *attitude* adalah suatu konsep paling penting dalam psikologi sosial. Banyak kajian dilakukan untuk merumuskan pengertian sikap, proses terbentuknya sikap, mahupun proses perubahannya, tidak kurang juga penelitian yang telah dilakukan terhadap sikap untuk mengetahui kesan dan peranannya baik sebagai pembolehubah bersandar mahupun pembolehubah bebas (Suradi, 1987). Khalid (2002), telah mendefinisikan bahawa sikap pelajar belajar sebagai sikap dan nilai yang mereka beri terhadap pengajaran guru mereka, sama ada bersikap negatif atau positif. Pelajar yang

bersikap positif biasanya akan menghargai sumbangan guru dan mementingkan pengajarannya. Pelajar yang bersikap negatif pula akan selalu merasa tidak puas hati, cepat merasa bosan dan kurang minat terhadap gurunya. Mohd Yusof Othman (2000), turut menyatakan kelemahan pelajar dalam bidang akademik tidak sepatutnya dilihat sebagai satu aspek sahaja. Antara faktor yang dikenal pasti ialah faktor sikap pelajar itu sendiri. Sikap pelajar adalah berbeza antara satu sama lain ketika menghadapi pelajaran.

Pengaruh minat yang tinggi terhadap mata pelajaran tertentu juga mempengaruhi tahap pencapaian pelajar. Dalam kajian Siti Hawa, (2005) juga mendapati bahawa minat mempunyai pengaruh yang positif kepada pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Rekaan Seni Visual. Ini dapat dilihat daripada kesungguhan dan usaha yang dilakukan oleh pelajar semasa mempelajari mata pelajaran Rekaan Seni Visual tersebut. Murid yang mempunyai minat yang tinggi akan sentiasa berusaha dan rajin meningkatkan diri. Dengan erti kata yang lain, kepuasan mereka akan hanya dapat dicapai apabila mereka mempelajari mata pelajaran tersebut dan memahaminya. Menurut Zulzana dan rakan-rakannya (2011), minat merupakan suatu perkara penting sebagai pendorong kepada pelajar untuk bergiat cergas dalam aktiviti pembelajaran. Minat terhadap sesuatu perkara atau aktiviti akan mendorong seseorang pelajar meneroka dengan lebih jauh.

Pembelajaran merupakan kaedah memperoleh ilmu pengetahuan atau kemahiran melalui pengalaman, amalan yang dipelajari atau yang diajarkan. Pembelajaran secara tradisional seperti yang diamalkan oleh kebanyakan pelajar adalah pembelajaran yang pasif. Mereka menghabiskan kebanyakan masa persekolahannya dalam suasana pembelajaran yang pasif dengan menghafal semua maklumat yang disampaikan oleh guru secara syarahan tanpa ada penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Pelajar hanya mendengar syarahan dan mengingati fakta yang diberikan oleh guru. Kaedah ini lebih pada pembelajaran berpusatkan guru (Azizi dan Syazwani, 2010).

Kajian-kajian yang telah dilakukan di Malaysia membuktikan bahawa faktor guru adalah signifikan dalam mempengaruhi prestasi akademik dan pembentukan peribadi pelajar. Kajian Robiah (1996), misalnya mengemukakan faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian beliau mendapati faktor yang paling dominan yang mendorong pelajar ponteng sekolah adalah disebabkan oleh faktor guru. Kajian yang dilakukan oleh Hamzah (2001) juga mendapati wujudnya korelasi antara sikap dan minat pelajar terhadap Matematik. Tambahan hasil daripada amalan pengajaran guru dengan pencapaian mereka dalam ujian mata pelajaran tersebut. Faktor guru adalah signifikan dalam mempengaruhi minat dan komitmen pelajar terhadap pelajaran serta berpotensi mengubah sikap dan status pelajar terhadap sesuatu kurikulum (Salleh, 2003).

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian ini adalah lebih berbentuk kuantitatif yang menggunakan reka bentuk tinjauan (*survey*). Tinjauan menjadi suatu kaedah yang mudah, iaitu sampel diberikan alat untuk dipenuhi dengan maklumat, kemudian maklumat tersebut diproses mengikut kaedah yang telah dirancang oleh penyelidik. Populasi kajian adalah merupakan pelajar Sarjana Muda Psikologi tahun tiga semester 6, dari Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka. Terdapat lebih 137 orang pelajar tahun tiga, Ijazah Sarjana Muda Psikologi semester 6 secara keseluruhannya. Sampel kajian bagi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar tahun tiga, Ijazah Sarjana Muda Psikologi, Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka. Seramai 100 responden dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), dalam Chua, Yan Piaw (2006).

### **Instrumen kajian**

Jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini dalam mendapatkan maklumat dan data adalah melalui soal selidik. Penyelidik telah menyediakan satu set soal selidik yang mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi lima item yang berkaitan latar belakang responden. Soalan-soalannya merangkumi jantina, bangsa, umur, kursus dan purata nilai gred (PNGK). Bahagian B pula mempunyai 44 item secara keseluruhan.

Pada bahagian B, terdapat empat kategori yang terdiri daripada faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar iaitu sikap, minat, kaedah pembelajaran dan faktor pensyarah. Dalam kajian ini, item di bahagian B adalah berbentuk tertutup dan dikendalikan, serta sistem skala likert dipilih untuk digunakan. Skala ini melibatkan lima jawapan iaitu 1-5 di mana skala 5 adalah nilai positif dan skala 1 nilai negatif.

#### ***Bahagian A: Maklumat Diri***

Maklumat diri adalah penting bagi melihat sejauh mana faktor sikap, minat, kaedah pembelajaran dan faktor pensyarah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Di bahagian ini juga, melampirkan maklumat mengenai responden seperti PNGK, jantina dan jua umur responden.

#### ***Bahagian B: Soal Selidik: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar***

Alat kajian ini mempunyai 44 item secara keseluruhannya yang telah diadaptasi dan diubahsuai mengikut bidang pengajian pelajar Sarjana Muda Psikologi. Kajian ini terbahagi kepada empat kategori iaitu faktor sikap, faktor minat, faktor kaedah pembelajaran, dan faktor pensyarah dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Dalam kajian ini, item di bahagian B adalah berbentuk tertutup dan dikendalikan, serta sistem skala likert dipilih untuk digunakan. Skala ini melibatkan lima jawapan iaitu 'sangat tidak setuju', 'tidak setuju', 'kurang setuju', 'setuju', dan 'sangat setuju', di mana skala 5 adalah nilai positif dan skala 1 adalah nilai negatif.

Jadual 1: Analisis Skala Likert

<b>Skor Min</b>	<b>Aras Persetujuan</b>
0.00 hingga 1.50	Sangat Tidak Setuju
1.51 hingga 2.50	Tidak Setuju
2.51 hingga 3.50	Sederhana Setuju
3.51 hingga 4.50	Setuju
4.51 hingga 5.00	Sangat Setuju

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil kajian dibahagikan kepada dua iaitu hasil kajian deskriptif dan hasil kajian inferensi.

### **Hasil Analisis Deskriptif**

Jadual 2 berikut menunjukkan taburan responden mengikut demografi. Hasil kajian mendapati, taburan responden mengikut jantina ialah seramai 35 orang responden lelaki (35%), manakala 65 orang responden perempuan (65%). Bagi taburan demografi mengikut Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) pula, seramai 13 (13%) orang responden yang memperoleh gred 3.50 ke atas, diikuti dengan 58 (58%) orang responden yang memperoleh gred 3.00-3.39. Bagi gred 2.50-2.99 pula, seramai 28 (28%) orang responden dan gred bagi 2.00-2.49 adalah hanya seorang (1%) responden sahaja. Taburan demografi mengikut bangsa, menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden terdiri daripada kaum Melayu iaitu 97 orang (97%) dan hanya 3 orang (3%) responden kaum India. Bagi kaum Cina pula tidak mempunyai wakil kerana pelajar-pelajar Sarjana Muda Psikologi semester 6 tidak mempunyai pelajar yang berbangsa Cina.

Jadual 2: Taburan Demografi

Demografi	N	Peratus
Jantina		
Lelaki	35	35.0
Perempuan	65	65.0
PNGK		
3.50 ke atas	13	13.0
3.00-3.49	58	58.0
2.50-2.99	28	2.8
2.00-2.49	1	1.0
Bangsa		
Melayu	97	97.0
India	3	3.0
$\Sigma$	100	100 %

Hasil taburan demografi responden mengikut jantina menunjukkan bahawa responden perempuan lebih tinggi berbanding dengan lelaki. Hal ini kerana kebanyakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Psikologi semester enam adalah terdiri daripada kalangan perempuan berbanding lelaki. Bagi taburan demografi mengikut Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) pula, jumlah responden tertinggi yang diperoleh seramai 58 orang bagi gred 3.00-3.39. Jumlah responden yang paling sedikit pula adalah bagi gred 2.00-2.49, yang hanya diwakili oleh seorang responden sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar berada pada tahap yang baik dan memberangsangkan dari sudut pencapaian PNGK. Taburan demografi mengikut bangsa pula menunjukkan bahawa, hampir keseluruhan responden adalah terdiri daripada kaum Melayu iaitu 97 orang dan hanya 3 orang sahaja responden kaum India. Hal ini kerana dalam pengajian jurusan Ijazah Sarjana Muda Psikologi semester enam, tidak mempunyai ramai pelajar yang berbangsa India.

### ***Analisis Taburan Responden Mengikut Faktor-faktor Yang Paling Dominan***

Jadual 3: Taburan Min dan Sisihan Piawai Mengikut Faktor-Faktor Paling Dominan Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar

Faktor-faktor	Min	Sisihan Piawai
Sikap	57.97	5.370
Minat	40.89	4.290
Kaedah Pembelajaran	39.20	4.212
Pensyarah	32.77	3.892

Jadual 3 menunjukkan bahawa taburan mengikut faktor-faktor paling dominan yang mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar semester enam Ijazah Sarjana Muda Psikologi, Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka. Faktor yang paling dominan ialah Faktor Sikap dengan min sebanyak 57.98. Faktor Minat pula adalah kedua dominan iaitu min sebanyak 40.89, diikuti dengan Faktor Kaedah Pembelajaran dengan min sebanyak 39.20 dan min sebanyak 32.77 bagi Faktor Pensyarah.

Bagi taburan ini, Faktor Sikap mendahului dengan min sebanyak 57.98. Keadaan ini menunjukkan bahawa faktor sikap memainkan peranan besar dan mempunyai hubungan yang kuat dengan pencapaian akademik pelajar. Seterusnya min yang paling rendah adalah faktor pensyarah ialah sebanyak 32.77. Nilai ini menunjukkan bahawa pensyarah, tidak memainkan peranan penting terhadap pencapaian akademik pelajar.

**Analisis Kebolehpercayaan Alat Ujian Yang Digunakan**

Jadual 4: Analisis nilai kebolehpercayaan mengikut faktor-faktor

Faktor-faktor	Kebolehpercayaan
Sikap	.654
Minat	.637
Kaedah Pembelajaran	.687
Pensyarah	.728

Jadual 4 di atas menunjukkan analisis nilai kebolehpercayaan bagi faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Nilai kebolehpercayaan bagi Faktor Sikap adalah .654, disusuli dengan Faktor Minat dengan nilai kebolehpercayaan adalah .637. Kemudian, Faktor Kaedah Pembelajaran adalah .687 dan Faktor Pensyarah adalah .728. Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati alat ujian ini mempunyai reabiliti yang tinggi dan dianggap baik. Ujian terhadap 100 orang responden mendapat nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .845.

Bagi analisis nilai kebolehpercayaan alat ujian ini mencatatkan nilai  $\alpha = .845$ . Menurut Sidek Mohd Noah dalam Noraini (2015), sesuatu ujian atau alat ukuran itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperoleh oleh individu yang sama dan menjawab ujian yang sama, pada masa yang berbeza. Kebolehpercayaan juga merujuk kepada persoalan adakah data, markah atau maklumat yang diperoleh daripada sesuatu ujian boleh dipercayai untuk mengukur sesuatu pembolehubah atau tret tingkah laku. Oleh yang demikian, alat ujian ini boleh diterima pakai untuk kajian pada masa akan datang kerana selari dengan apa yang dinyatakan oleh beliau.

**Hasil Analisis Inferensi**

**Hipotesis 1 : Tidak terdapat hubungan antara faktor sikap dengan pencapaian akademik pelajar.**

Jadual 5 : Pekali Korelasi Pearson bagi hubungan antara faktor sikap dengan pencapaian akademik pelajar.

Pembolehubah	Korelasi Pearson	PNGK
Sikap	-	-.264**
	Signifikan	.008
	N	100

$k < 0.1$

Jadual 5 di atas menunjukkan bahawa nilai korelasi antara sikap dengan PNGK adalah -.264 ( $r = -.264$ ) dan nilai ini adalah signifikan kerana signifikannya adalah .008 dan ianya lebih kecil dari aras keyakinan .01. Dengan ini menunjukkan bahawa faktor sikap mempunyai hubungan negatif yang rendah tetapi signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu hipotesis adalah ditolak, kerana terdapat hubungan negatif yang signifikan antara faktor sikap dengan pencapaian akademik pelajar [ $r_{(100)} = -.264, k < .01$ ].

Merujuk kepada hubungan antara faktor sikap dengan pencapaian akademik pelajar yang telah dianalisis menunjukkan bahawa, sekiranya pelajar mempunyai sikap yang tinggi dan baik, maka pencapaian mereka akan rendah. Begitu juga sebaliknya jika sikap pelajar adalah rendah dan sederhana, maka pencapaian mereka akan tinggi. Pada pendapat pengkaji, perkara ini adalah disebabkan oleh, pelajar semester enam Ijazah Sarjana Muda Psikologi tidak gemar untuk terlalu menekan atau terlalu ghairah untuk mengejar PNGK yang tinggi. Selain itu, perkara ini juga mungkin berlaku disebabkan pelajar tidak mahu menerima tekanan yang melampau ketika menghadapi peperiksaan. Banyak kajian telah melaporkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara tekanan dengan pelajar universiti.

Menurut Norlizawati (2006), tekanan telah dianggap sebagai sebahagian daripada pengalaman yang biasa dihadapi oleh pelajar universiti. Antara tekanan yang biasa dihadapi oleh pelajar ialah kebimbangan terhadap ujian, dan pencapaian akademik. Kajiannya juga telah menunjukkan bahawa pelajar akan mengalami peningkatan dalam gangguan emosi dan tahap tekanan sepanjang menjalani pengajian di universiti. Kesan yang diakibatkan oleh tekanan juga boleh menyebabkan kesihatan seseorang terganggu dan ini juga secara tidak langsung boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Oleh yang demikian, berdasarkan sebab inilah berkemungkinan pelajar mengambil inisiatif untuk tidak terlalu menekan dan mengambil sikap bersederhana ketika menghadapi peperiksaan, seterusnya memperoleh keputusan yang baik dalam pencapaian akademik mereka.

**Hipotesis 2 : Tidak terdapat hubungan antara faktor minat dengan pencapaian akademik pelajar.**

Jadual 6 : Pekali Korelasi Pearson bagi hubungan antara faktor minat dengan pencapaian akademik pelajar.

Pembolehubah		PNGK
Minat	Korelasi Pearson	-.239**
	Signifikan	.017
N		100

$k < 0.5$

Jadual 6 di atas menunjukkan bahawa nilai kolerasi antara minat dengan PNGK adalah -.239 ( $r = -.239$ ) dan nilai ini signifikan kerana nilai signifikannya adalah .017 dan lebih kecil dari aras keyakinan .05. Dengan ini menunjukkan bahawa faktor minat mempunyai hubungan negatif yang rendah tetapi signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu hipotesis adalah ditolak, kerana terdapat hubungan negatif yang signifikan antara faktor minat dengan pencapaian akademik pelajar [ $r_{(100)} = -.239, k < .05$ ].

Merujuk kepada hubungan antara faktor minat dengan pencapaian akademik pelajar pula menunjukkan bahawa, sekiranya pelajar mempunyai minat yang tinggi dalam pembelajaran, maka pencapaian mereka akan rendah. Begitu juga sebaliknya jika minat pelajar adalah rendah dan sederhana, maka pencapaian mereka akan tinggi. Pada pandangan pengkaji, kemungkinan perkara ini berlaku disebabkan oleh pelajar yang mempunyai minat yang tinggi, mereka terlalu yakin boleh berjaya dengan mudah. Oleh yang demikian, mereka mengambil sikap sambil lewa ketika menjawab peperiksaan. Bagi pelajar yang kurang minat dalam pembelajaran, mereka akan cuba untuk meningkatkan pencapaian mereka pada tahap yang terbaik ketika menduduki peperiksaan. Motivasi ini memainkan peranan penting bagi mereka untuk memperoleh pencapaian yang terbaik dalam akademik.

Menurut Uk Raai a/p Chen (2014), motivasi mempunyai pengaruh yang signifikan dalam mencapai matlamat akademik. Justeru itu, motivasi adalah suatu faktor yang muncul dalam dua keadaan sama ada secara dalaman atau luaran serta amat berpengaruh dari segi mendorong dan menarik minat seseorang individu untuk melakukan sesuatu tindakan bagi mendapatkan apa yang dikehendakinya.

**Hipotesis 3 : Tidak terdapat hubungan antara faktor kaedah pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar.**

Jadual 7 : Pekali Korelasi Pearson bagi hubungan antara faktor kaedah pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar.

Pembolehubah		PNGK
Kaedah Pembelajaran	Korelasi Pearson	-.366**
	Signifikan	.000
N		100

$k < 0.1$



Jadual 7 di atas menunjukkan bahawa nilai korelasi antara kaedah pembelajaran dengan PNGK adalah  $-0.366$  ( $r = -0.366$ ) dan nilai ini signifikan kerana nilai signifikannya adalah  $.000$  dan lebih kecil dari aras keyakinan  $.01$ . Dengan ini menunjukkan bahawa faktor kaedah pembelajaran mempunyai hubungan negatif yang rendah tetapi signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu hipotesis adalah ditolak, kerana terdapat hubungan negatif yang signifikan antara faktor kaedah pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar [ $r_{(100)} = -0.366, k < .01$ ].

Bagi hubungan antara faktor kaedah pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar pula menunjukkan bahawa, sekiranya pelajar memiliki kaedah pembelajaran yang baik, maka pencapaian mereka akan rendah. Begitu juga sebaliknya jika kaedah pembelajaran pelajar itu adalah rendah dan sederhana, maka pencapaian mereka akan tinggi. Pada pengamatan pengkaji, kemungkinan perkara ini berlaku juga disebabkan oleh pelajar tersebut terlalu yakin yang mereka mampu untuk berjaya mencapai keputusan yang terbaik. Walau bagaimanapun, kaedah pembelajaran yang terbaik sahaja tidak mampu untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik sekiranya pelajar tersebut mempunyai sikap ambil mudah dan terlalu yakin bahawa jawapan yang diberikan itu, adalah menepati kehendak pensyarah.

Menurut Ridzuan (2002), sekiranya seseorang pelajar tidak mempunyai sifat yang baik, berkemungkinan pelajar tersebut tidak akan menjadi pelajar yang cemerlang walaupun dia mempunyai gaya pembelajaran yang bagus serta kesungguhan untuk berjaya.

***Hipotesis 4 : Tidak terdapat hubungan antara faktor pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar.***

Jadual 8 : Pekali Korelasi Pearson bagi hubungan antara faktor pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar.

Pembolehubah		PNGK
Pensyarah	Korelasi Pearson	-.163
	Signifikan	.104
N		100

Jadual 8 di atas menunjukkan bahawa nilai korelasi antara faktor pensyarah dengan PNGK adalah  $-0.164$  ( $r = -0.164$ ) dan nilai ini tidak signifikan kerana nilai signifikannya adalah  $.104$  dan ianya lebih besar dari aras keyakinan  $.05$ . Dengan ini menunjukkan bahawa faktor pensyarah tidak mempunyai hubungan yang negatif tetapi tidak signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu hipotesis adalah diterima, iaitu tidak terdapat hubungan negatif yang tidak signifikan antara faktor pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar [ $r_{(100)} = -0.164, k > .05$ ].

Berbeza pula dengan faktor pensyarah di mana, faktor tersebut tidak memainkan peranan dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan antara faktor pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar. Hal ini bermaksud bahawa gaya mengajar pensyarah, tugas yang diberikan pensyarah serta perkara-perkara yang melibatkan antara pensyarah dengan pelajar tidak menyumbang kepada sebarang peningkatan mahupun penurunan pencapaian akademik seseorang pelajar itu.

Keadaan ini agak bercanggah dengan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh Azizah (1999) dan Kamarudin (2003). Menurut mereka terdapat hubungan yang erat antara pengaruh pengajar dengan pencapaian akademik pelajar. Malah menurut mereka lagi, keupayaan pengajar dalam mempraktikkan kaedah dan teknik pengajaran yang baik boleh menyumbang kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kemahiran mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada tiga istilah penting iaitu pendekatan, kaedah dan teknik. Seseorang pengajar yang ingin menguasai kemahiran mengajar perlulah menguasai ketiga-tiga elemen tersebut untuk diaplikasikan.

## **CADANGAN KAJIAN**

Setelah selesai menjalankan kajian ini, pengkaji ingin mengemukakan beberapa saranan yang bersesuaian untuk pengkaji-pengkaji pada masa akan datang. Melalui hasil dan penemuan kajian, penyelidik merasakan perlu adanya kajian lanjutan bagi memperkembangkan lagi skop kajian ini. Antara cadangan kajian lanjutan adalah:

- a) Kajian akan datang dijalankan dalam skop yang lebih besar dan menyeluruh, bukan hanya tertumpu kepada satu bahagian atau sesuatu jabatan sahaja.
- b) Kajian akan datang juga diharapkan dapat memberi penekanan yang berbeza, selain daripada komitmen kerja, umur, tempoh pengalaman kerja dan tahap kepuasan kerja. Tujuannya supaya kajian ini lebih berfokus ke arah mencari maklumat pada masa kini.
- c) Kaedah pengumpulan data juga perlu dipelbagaikan dan tidak hanya berfokus kepada kaedah menggunakan soal selidik seperti membuat temuduga dan melakukan pemerhatian. Kepelbagaian dalam kaedah pengumpulan data akan dapat memastikan kepelbagaian jenis data yang saling lengkap melengkapi.

## **KESIMPULAN**

Pencapaian akademik adalah amat penting dalam bagi seseorang yang bergelar pelajar bagi menilai sejaumanakah kecerdasan mereka dalam pembelajaran dan ianya penting bagi memastikan masa depan pelajar itu cerah. Oleh itu, mengetahui dan menguasai sesuatu ilmu atau pelajaran merupakan suatu kemahiran yang perlu ada pada semua pelajar kerana mereka merupakan aset penting kepada pembangunan negara pada masa akan datang. Justeru kajian ini telah berjaya mengenalpasti beberapa faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar secara langsung mahupun tidak langsung.

Secara keseluruhannya hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sikap, minat, dan kaedah pembelajaran merupakan faktor-faktor yang amat penting dalam menentukan pencapaian akademik pelajar semester enam Ijazah Sarjana Muda Psikologi. Walau bagaimanapun, faktor pensyarah pula tidak menunjukkan sebarang hubungan berkaitan dengan pencapaian akademik pelajar. Perkara ini telah dijelaskan dalam analisis data dan perbincangan yang telah dibuat oleh pengkaji pada bab sebelum ini.

Oleh itu, dengan mempelajari hubungan antara faktor-faktor seperti sikap, minat, kaedah pembelajaran dan pensyarah beserta cadangan-cadangan yang dikemukakan, kajian ini diharapkan menjadi rujukan yang lebih jelas dan tepat kepada sesiapa yang berminat dan berkaitan dengan pencapaian akademik pelajar di institusi pengajian tinggi. Malahan kerjasama yang erat dan kefahaman yang jelas tentang kepentingan pengaruh-pengaruh tersebut kepada prestasi pelajar dalam pencapaian akademik secara tidak langsung diharapkan dapat menimbulkan kesedaran dan kesungguhan untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar ke tahap yang lebih tinggi dan berkualiti.

## **RUJUKAN**

- Abdul Ghani Awang. (1996). *Kemahiran Belajar Di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Jalil Othman. (1997). *Pendidikan Untuk Sekolah Berkesan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Azizah Tumirah. (1999). *Faktor-faktor yang mempengaruhi kelemahan pelajar bumiputera dalam mata pelajaran sains*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Unversiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Bin Yahaya & Syazwani Binti Abdul Razak. (2010). *Teori Berkaitan Gaya Pembelajaran Dan Kaedah Pengajaran*.
- Chua, Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Hamzah Mohamed. (2001). *Memperkasa Guru Sebenar Guru: Ke Sekolah tidak Jemu Mengajar Tidak Lesu*. [www.angelfire.com/journal2/fakir-zamani/ceramah7.htm](http://www.angelfire.com/journal2/fakir-zamani/ceramah7.htm) 05 September 2008.

- Kamarudin Hamat. (2003). Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran: Satu tinjauan di kalangan pelajar pengajian kejuruteraan jentera di dua buah sekolah menengah teknik di Johor Bahru. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2011). CAP – Transformasi Politeknik. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, 25 September 2013.
- Kerlinger , F.N. (1973). *Foundations of behavioral research*. Fort Worth: Holt, Rinehart and Winston.
- Khalid Mohamed Noor. (2002). Belajar Teknik Belajar. Kuala Lumpur: PTS Publication And Distributor Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Othman. (2000). Kaedah Pembelajaran Berkesan. Selangor: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Noraini Abdol Raop. (2015). Ujian Dan Pengukuran Dalam Psikologi. Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka.
- Norlizawati binti Ya'akob. (2006). Hubungan Antara Tekanan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan. Tesis Sarjana Muda .Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurul Akmar Binti Kamaruddin, Saifullizam bin Puteh. (2005). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai mata pelajaran kejuruteraan di Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Ridzuan Ismail. (2002). Faktor-faktor yang mendorong pencapaian pelajar sekolah menengah agama bagi mata pelajaran KHB dalam peperiksaan PMR daerah Rendang. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Robiah Hamid. (1996). Stail Belajar : Satu Kajian di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah.Universiti Malaya.
- Siti Hawa Mohd Nawawi. (2005). Perbandingan Pencapaian dan Sikap Pelajar dengan Tahap Pengetahuan Sedia Ada dalam Kajian Rekaan Seni Visual. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Salleh Abd Rashid. (2003). Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum dan Pengajaran. Dibentangkan di Seminar Pendidikan MPBL.
- Suradi Salim. (1987). Tinjauan Sikap Dan Tabiat Belajar Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Sembilan. Jurnal Pendidikan.77-90
- Uk Raai a/p Chen. (2014). Kajian Gaya Pembelajaran Dan Motivasi Terhadap Pencapaian Pelajar Diploma Kejuruteraan Di Politeknik. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zulzana Binti Zulkarnain, Mohamed Bin Saim, Roslina Binti Abd Talib. (2011). Hubungan Antara Minat, Sikap Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Kursus CC301 – Quantity Measurement.